

MODEL PERTUBUHAN MASYARAKAT SIVIL (CSO)

AKTA HAK MENDAPATKAN MAKLUMAT 202X

PEMBAHAGIAN SEKSYEN-SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Bahagian

1. Tajuk ringkas dan tarikh berkuat kuasa.
2. Objektif utama Akta.
3. Hak Mendapatkan Maklumat
4. Tafsiran
5. Definisi perbadanan Kerajaan
6. Undang-undang yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, FUNGSI-FUNGSI DAN KUASA- KUASA SURUHANJAYA MAKLUMAT

7. Penubuhan Suruhanjaya.
8. Susun atur Suruhanjaya.
9. Tempoh menyandang jawatan.
10. Kekosongan jawatan.
11. Sebab-sebab penyingkiran
12. Imbuhan
13. Fungsi Suruhanjaya
14. Kuasa-kuasa Suruhanjaya

BAHAGIAN III

PEGAWAI-PEGAWAI SURUHANJAYA DAN PEGAWAI MAKLUMAT

15. Pelantikan Setiausaha dan pegawai-pegawai Suruhanjaya
16. Pelantikan Pegawai Maklumat.
17. Fungsi-fungsi Pegawai Maklumat.

BAHAGIAN IV KEWAJIPAN BADAN AWAM

18. Skim penerbitan maklumat.
19. Maklumat yang hendaklah diterbitkan.
20. Penyelenggaraan rekod.
21. Pewujudan dan penyelenggaraan daftar permohonan dan pendedahan.
22. Keperluan bagi kontrak Kerajaan.
23. Kewajipan lain badan awam.
24. Penerbitan maklumat yang dikecualikan.

BAHAGIAN V MAKLUMAT YANG DIKECUALIKAN

25. Skop dan kesan maklumat yang dikecualikan.
26. Maklumat yang menjejaskan keselamatan atau pertahanan negara.
27. Maklumat berkaitan hubungan antarabangsa dan kepentingan ekonomi Persekutuan.
28. Maklumat berkaitan operasi-operasi badan awam.
29. Maklumat yang menjejaskan penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan awam.
30. Kepentingan rahsia dagangan serta komersial, kewangan dan harta.
31. Maklumat berkaitan penyelidikan.
32. Privasi peribadi.
33. Maklumat berhubung keistimewaan profesional guaman.

BAHAGIAN VI KEPENTINGAN AWAM

34. Ujian kepentingan awam
35. Sebab-sebab yang memihak kepada pendedahan.
36. Faktor yang tidak relevan.

BAHAGIAN VII PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT

37. Permohonan untuk mendapatkan maklumat.
38. Kewajipan dalam memproses permohonan maklumat
39. permohonan maklumat
40. Pemotongan maklumat
41. Perundingan dengan pihak ketiga.
42. Semakan dalaman.
43. Tempoh pelanjutan.
44. Penggunaan semula maklumat

BAHAGIAN VIII
RAYUAN KEPADA SURUHANJAYA MAKLUMAT

45. Tatacara rayuan kepada Suruhanjaya
46. Permulaan siasatan rayuan.
47. Kuasa Suruhanjaya berhubung dengan siasatan
48. Keterangan di hadapan Suruhanjaya
49. Prosiding pendengaran *inter partes*
50. Keputusan Suruhanjaya

BAHAGIAN IX
KESALAHAN

51. Ancaman terhadap pemohon, perayu atau saksi.
52. Penghalangan

BAHAGIAN X
AM

53. Dana.
54. Fi.
55. Pemakaian Akta 240.
56. Laporan tahunan.
57. Perlindungan Pesuruhjaya-pesuruhjaya, pegawai Suruhanjaya, Pegawai Maklumat dan pegawai lain daripada liabiliti jenayah dan sivil.
58. Pemakaian Akta 198.
59. Perlindungan terhadap pemberi maklumat.
60. Penjawat awam.
61. Permintaan maklumat yang menyusahkan.
62. Institusi dan pengendalian pendakwaan.
63. Garis panduan, piawaian dan nota amalan
64. Peraturan-peraturan.

BAHAGIAN XI
PELANJUTAN PEMAKAIAN KEPADA NEGERI DAN PENUBUHAN SURUHANJAYA
MAKLUMAT NEGERI

65. Pelanjutan pemakaian Akta ini kepada Kerajaan Negeri, dan lain-lain.
66. Suruhanjaya Maklumat Negeri.

RANG UNDANG-UNDANG *bernama*

Sebuah akta untuk mewujudkan hak mendapatkan maklumat yang dipegang mana-mana badan awam, dengan pengecualian khusus dan terhad yakni selaras kepentingan awam, serta tanggungjawab Kerajaan Malaysia dalam menggalakkan dan melindungi akan hak ini; mengenakan kewajipan berupa pendedahan proaktif terhadap maklumat berkepentingan awam oleh badan awam, untuk menubuhkan Suruhanjaya Maklumat sebagai mekanisme bebas dalam melindungi dan menggalakkan hak mendapatkan maklumat, serta menyemak keputusan-keputusan berhubung pendedahan maklumat yang terkandung dalam mana-mana badan awam; serta memberi akan hal-hal yang berkait atau bersangkutan-paut dengannya.

MENGAKUI hak mendapatkan maklumat sebagai unsur mustahak dalam penglibatan demokrasi, ketelusan, akauntabiliti, dan kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, sekali gus memupuk sebuah masyarakat yang mana rakyat Malaysia sepenuhnya berupaya mengambil bahagian dalam kehidupan awam dengan memerangi rasuah, menggalakkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik.

SEMENTARA ITU, adalah bahawa wajar untuk memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk menggubal satu undang-undang yang menjadi rangka kerja dan mekanisme untuk perlindungan dan menggalakkan hak mendapatkan maklumat:

SEKARANG, MAKA, berdasarkan Fasal 1(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **DENGAN INI, DIBENTANGKAN UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, serta dengan autoriti itu jua, seperti berikut:

BAHAGIAN 1 PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan tarikh berkuat kuasa.

- (1) Akta ini boleh dinamakan sebagai Akta Hak Mendapatkan Maklumat 202X.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berbeza untuk permulaan kuat kuasa yang merujuk kepada bahagian-bahagian atau peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta ini, dengan syarat bahawa keseluruhan Akta ini mula dijalankan tidak lewat daripada satu tahun setelah ia mula berkuat kuasa.

2. Objektif utama Akta

- (1) Matlamat utama Akta ini adalah mewujudkan hak mendapatkan maklumat yang berkelayakan, melalui–

- (a) mempermudah dan menggalakkan hak untuk orang awam mengakses maklumat yang dimiliki oleh mana-mana badan awam, dengan segera, melalui:
 - (i) mewajibkan badan awam untuk menerbitkan maklumat tersebut; dan
 - (ii) mewujudkan suatu hak untuk mengakses maklumat melalui permohonan;
- (b) menaikkan pengiktirafan bahawa maklumat yang dimiliki oleh mana-mana badan awam merupakan sumber negara, dan hendaklah ia dikendali demi keperluan awam;
- (c) memastikan bahawa syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian terhadap hak mengakses maklumat yang dimiliki oleh Kerajaan bersifat khusus, terhad, perlu dan berkadar; serta
- (d) menggalakkan demokrasi berparlimen di Malaysia melalui:
 - (i) mempertingkatkan penyertaan orang awam dalam proses tatakelola Kerajaan, demi memacu ketelusan serta memastikan pembuatan keputusan Kerajaan lebih termaklum;
 - (ii) memerangi rasuah; dan
 - (iii) meningkatkan tafahus dan penilaian terhadap aktiviti-aktiviti Kerajaan.
- (2) Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta ini dan, khususnya, pengecualian-pengecualian, hendaklah ditafsir sedemikian rupa agar takrif munasabah terma-terma tersebut memberi kesan paling berimpak terhadap objektif utama Akta ini, seperti yang ditetapkan dalam subseksyen (1).
- (3) Demi mengelak sebarang keraguan, dengan ini disyiharkan bahawa tiada apa-apa dalam Akta ini ditafsirkan sebagai mengharam, mengehad, atau menghalang mana-mana badan awam daripada menerbit, mendedah, atau memberi akses apa-apa maklumat—termasuk maklumat atau perkara yang dikecualikan—yang mana ia mempunyai kuasa sah untuk berbuat demikian di luar skop Akta ini, dengan syarat tindakan tersebut adalah selaras dengan objektif utama dan peruntukan Akta ini.

3. Hak Mendapatkan Maklumat.

Setiap individu mempunyai hak mengakses maklumat yang dimiliki oleh badan-badan awam, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta ini.

4. Tafsiran.

Dalam Akta ini, kecuali mengikut konteks yang mengandungi makna lain –

“rayuan” bermaksud permohonan yang dikemukakan menurut Seksyen 45 kepada Suruhanjaya;

“perayu” bermaksud mana-mana pihak yang telah membuat rayuan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Akta ini;

“pemohon” bermaksud mana-mana individu yang telah membuat permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada badan awam;

“Suruhanjaya” bermaksud Suruhanjaya Maklumat Bebas, sebagai sebuah badan pemantau, yang ditubuhkan di bawah Seksyen 7;

“entiti kontrak” bermaksud mana-mana pihak di bawah kontrak Kerajaan namun bukanlah sebuah badan awam;

“mendedahkan” bermaksud menyediakan maklumat secara langsung kepada pemohon;

“dikecualikan” bermaksud dikecualikan daripada kendalian Akta ini;

“maklumat yang dikecualikan” bermaksud mana-mana maklumat yang tertakluk dalam Seksyen 25; dan “perkara yang dikecualikan” bermaksud mana-mana unsur atau bahagian daripada mana-mana maklumat yang membolehkan ia menjadi suatu maklumat yang dikecualikan;

“kontrak Kerajaan” bermaksud kontrak seperti berikut –

- (a) badan awam adalah, atau pernah menjadi, pihak kepada kontrak tersebut;
- (b) entiti kontrak adalah, atau pernah menjadi, pihak kepada kontrak tersebut; dan
- (c) entiti kontrak adalah, atau pernah bertanggungjawab dalam penyediaan barangan atau perkhidmatan di bawah kontrak tersebut;

“Pegawai Maklumat” bermaksud pegawai yang dilantik oleh setiap badan awam di bawah Seksyen 16;

“maklumat bermaksud sama ada “dokumen”, seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 56], atau apa-apa perkara yang menyampaikan makna dan yang disimpan dalam format yang direkodkan, tanpa mengira format atau medium, sumber, tarikh ciptaan, atau status rasminya, walau ia diklasifikasikan di bawah mana-mana undang-undang lain, tanpa mengira siapa pun yang mencipta maklumat tersebut;

“Menteri” bermaksud Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal undang-undang;

“orang” bermaksud mana-mana individu atau entiti undang-undang, tanpa mengira kewarganegaraan, kebangsaan, atau lokaliti, atau mewakili perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“maklumat peribadi” bermaksud maklumat yang berkaitan dengan mana-mana individu, sama ada hidup atau meninggal dunia, yang membolehkan pengecaman individu tersebut, sama ada secara langsung mahupun dengan menggambit maklumat lain;

“keputusan awal” bermaksud maklum balas terhadap permohonan maklumat yang dibuat pada peringkat pertama oleh badan awam di bawah Bahagian VII;

“pihak berkuasa” yang ditentukan merujuk kepada

- (a) mana-mana universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173];

- (b) mana-mana perbadanan Kerajaan seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 5;
- (c) mana-mana badan yang menerima pembiayaan awam yang signifikan atau menjalankan fungsi awam; dan
- (d) mana-mana entiti lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 64;

Disebabkan struktur kompleks syarikat berkaitan kerajaan dan perusahaan milik kerajaan di Malaysia, adalah sukar untuk menterjemahkan istilah komprehensif yang dapat merangkum setiap entiti untuk tujuan Akta ini. Oleh hal yang demikian, walaupun satu definisi dimasukkan di bawah seksyen 4, Suruhanjaya harus diberi kuasa untuk menambah, meminda, atau mengeluarkan mana-mana entiti sedemikian daripada pemakaian Akta ini mengikut budi bicara demi mengisi kekosongan tersebut.

“pihak berkuasa awam”, merujuk kepada Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dan tertakluk kepada seksyen 65, yang bermaksud:

- (a) Yang di-Pertuan Agong, dan Sultan atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri;
- (b) Kerajaan Persekutuan, termasuk mana-mana kementerian, agensi, atau jabatan di bawahnya;
- (c) Kerajaan Negeri, termasuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau mana-mana agensi atau jabatan di bawahnya;
- (d) pihak berkuasa tempatan seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];
- (e) badan berkanun, termasuk mana-mana suruhanjaya atau pejabat yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan;
- (f) Parlimen dan mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (g) mana-mana mahkamah atau tribunal yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan atau Negeri; dan
- (h) mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang dilantik oleh atau dimiliki atau dikawal oleh mana-mana individu, mahkamah, tribunal, atau pihak berkuasa tersebut.

“badan awam” bermaksud mana-mana pihak berkuasa awam dan pihak berkuasa yang ditetapkan;

“pejabat awam” mempunyai takrifan yang ditetapkan di bawah seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388];

“terbit” bermaksud menjadikan maklumat tersedia dalam suatu bentuk yang secara lazimnya boleh diakses oleh orang awam, termasuklah dalam bentuk sebaran bercetak mahupun elektronik, setakat manap ia dapat dilaksanakan;

“permohonan maklumat” bermaksud permohonan untuk pendedahan mana-mana maklumat yang dibuat di bawah seksyen 37;

“badan berkanun” bermaksud mana-mana badan korporat, tanpa mengira nama yang digunakannya, yang ditubuhkan menurut peruntukan undang-undang Persekutuan atau Negeri, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];

“subkontraktor” bermaksud mana-mana pihak yang mengikat kontrak dengan entiti kontrak untuk tujuan pelaksanaan, sama ada keseluruhan mahupun sebahagian, daripada kewajipan entiti kontrak yang tertakluk di bawah kontrak Persekutuan.

5. Definisi "Perbadanan Kerajaan".

- (1) Untuk tujuan Akta ini, “perbadanan kerajaan” atau “entiti berkaitan kerajaan” bermaksud badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.
- (2) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri mengawal sesebuah perbadanan sekiranya ia—
 - (a) mengawal komposisi lembaga pengarah perbadanan tersebut;
 - (b) berada dalam kedudukan untuk mengundi, atau mengawal pengundian, lebih daripada separuh jumlah maksimum undi dalam pengundian pada mesyuarat agung perbadanan tersebut; atau
 - (c) memegang lebih daripada modal saham terbitan syarikat, tidak termasuk mana-mana bahagian modal saham terbitan yang tidak mempunyai hak untuk terlibat melebihi daripada jumlah pembahagian keuntungan atau modal.
- (3) Tanpa mengehad keluasan makna subseksyen 2(a), Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dianggap mengawal komposisi lembaga pengarah perbadanan jika ia boleh melantik atau menyingkirkan semua, atau majoriti pengarah perbadanan tersebut.
- (4) Untuk tujuan subseksyen (3), Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dianggap mempunyai kuasa untuk melantik seorang sebagai pengarah syarikat jika –
 - (a) seseorang itu tidak boleh dilantik sebagai pengarah perbadanan tanpa pelaksanaan kuasa oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang memihak kepada orang tersebut; atau
 - (b) pelantikan seseorang sebagai pengarah syarikat adalah secara langsung disebabkan oleh posisinya yang merupakan ahli pentadbiran Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, atau pemegang jawatan berkanun.
- (5) Pemakaian Bahagian IV kepada perbadanan kerajaan akan meliputi mana-mana perbadanan subsidiari yang dimilikinya.
- (6) Untuk tujuan subseksyen (5), “subsidiari” mempunyai maksud yang terangkum di bawah seksyen 4 Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

6. Undang-undang yang berkuat kuasa.

- (1) Peruntukan-peruntukan dalam Akta ini adalah tambahan kepada, dan bukan menggugurkan, peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan pelepasan maklumat dalam pemilihan, jagaan, dan kawalan badan-badan awam.
- (2) Tanpa mengira subseksyen (1), jika mana-mana peruntukan undang-undang lain mengenakan sekatan terhadap akses kepada, atau pendedahan, maklumat yang dipegang oleh badan awam, peruntukan-peruntukan dalam Akta ini justeru akan diutamakan, dan peruntukan undang-undang lain akan, mengikut sejauh mana had sekatan dikenakan, dianggap tidak berkuat kuasa.

BAHAGIAN II
PENUBUHAN, FUNGSI-FUNGSI DAN KUASA-
KUASA SURUHANJAYA MAKLUMAT

7. Penubuhan Suruhanjaya.

- (1) Suruhanjaya Maklumat ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan peruntukan-peruntukan dalam Akta ini dan menegakkan objektif utama Akta ini, termasuklah menggalakkan akses terhadap maklumat, serta menyelesaikan sebarang pertikaian.
- (2) Suruhanjaya hendaklah menjadi sebuah badan korporat yang berkesinambungan kekal dan dimeterai secara rasmi, yang boleh menyaman dan disaman atas namanya dan, tertakluk pada serta untuk tujuan Akta ini, boleh memohon kontrak serta boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tidak alih dalam pelbagai jenis dan boleh menyalurkan, menugaskan, melepaskan, menyerahkan, mengenakan bayaran, mencagarkan, menggadai janji, menyerahkan milik, menugaskan semula, menukar atau sebaliknya melupuskan, atau berurusan dengan mana-mana harta alih atau tidak alih atau kepentingan yang di dalamnya dimiliki Suruhanjaya atas syarat yang dianggap wajar.
- (3) Suruhanjaya hendaklah melapor dan bertanggungjawab kepada Parlimen atas pelaksanaan fungsi dan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini.

8. Susun atur Suruhanjaya.

- (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri tidak lebih daripada tujuh (7) orang Pesuruhjaya, setiap satunya, yang mana akan terdapat seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi yang dipilih oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya itu sendiri.
- (2) Pesuruhjaya-pesuruhjaya hendaklah dilantik daripada kalangan warganegara Malaysia yang mempunyai pengetahuan luas atau pengalaman praktikal berkenaan hak mendapatkan maklumat, undang-undang atau isu-isu hak asasi manusia, dengan syarat perwakilan pesuruhjaya wanita tidak kurang daripada tiga orang.
- (3) Pesuruhjaya-pesuruhjaya hendaklah dilantik daripada senarai calon yang dipilih mengikut prosedur di bawah subseksyen (4) melalui resolusi yang diluluskan oleh Dewan Rakyat.
- (4) Untuk tujuan subseksyen (2) dan (3), Parlimen hendaklah bertanggungjawab ke atas kelakuan umum dan pentadbiran prosedur-prosedur berikut sebelum sebarang undian dilaksanakan demi melantik mana-mana Pesuruhjaya—
 - (a) panggilan permohonan secara terbuka hendaklah diterbitkan bersekali dengan kriteria pemilihan yang jelas dinyatakan di dalamnya;
 - (b) calon-calon hendaklah dipilih daripada permohonan ini dengan mengambil kira kesamarataan peluang, merit, kecekapan dan kepelbagaian, tertakluk pada subseksyen (2); dan
 - (c) sesi rundingan hendaklah dijalankan bersama Majlis Peguam, Persatuan Undang-undang Sabah, Persatuan Peguambela Sarawak, Majlis Media Malaysia, dan pertubuhan masyarakat sivil yang berjuang dalam bidang kebebasan bersuara atau hak asasi manusia yang lain untuk sesi pencalonan, yang mana cadangan mereka hendaklah diambil kira sebagai pertimbangan

yang wajar dalam memilih senarai akhir calon-calon.

- (5) Mana-mana orang yang menyandang jawatan awam, sama ada dilantik atau dipilih, yang terlibat secara aktif dalam politik atau yang berdaftar dengan mana-mana parti politik tidak boleh dilantik sebagai Pesuruhjaya.

Menurut Perkara 62 Perlembagaan Persekutuan, tatacara Parlimen secara lazimnya hendaklah diatur oleh setiap Dewan Parlimen itu sendiri (melalui Peraturan Mesyuarat), tertakluk kepada undang-undang Persekutuan. Oleh hal yang demikian, Parlimen boleh menggubal undang-undang melalui Akta Parlimen untuk menetapkan tatacara Parlimen. Misalnya, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347], yang memperuntukkan pelbagai perkara seperti prinsip kebebasan bersuara dan berbahas dalam prosiding Parlimen, proses untuk Parlimen dalam memerintahkan kehadiran saksi dan pengeluaran dokumen, serta pemeriksaan saksi.

*Gagasan ini adalah untuk menubuhkan sebuah **Jawatankuasa Pilihan Tetap** bagi tujuan memantau pentadbiran Akta RTI, termasuk perkara-perkara seperti pelantikan, pemecatan dan imbuhan Pesuruhjaya. Jawatankuasa ini hendaklah mengambil peranan yang sama seperti Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sedia ada, dan patut ditubuhkan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.*

9. Tempoh menyandang jawatan.

- (1) Seorang Pesuruhjaya hendaklah menyandang jawatan bagi suatu tempoh lima tahun dan layak dilantik kembali untuk satu tempoh, yakni lima tahun.
- (2) Seorang Pesuruhjaya boleh, pada bila-bila masa meletakkan jawatan melalui surat yang diajukan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

10. Kekosongan jawatan.

Kekosongan jawatan seorang Pesuruhjaya terjadi tatkala—

- (a) itu meninggal dunia;
- (b) itu meletakkan jawatan mengikut subseksyen 9(2);
- (c) tempoh jawatannya tamat; atau
- (d) Pesuruhjaya itu dibuang daripada jawatan mengikut seksyen 11.

11. Asas-asas pelucutan.

- (1) Seorang Pesuruhjaya hendaklah dibuang daripada jawatannya oleh Parlimen jika—
 - (a) Pesuruhjaya itu diisytiharkan muflis oleh suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang cekap;
 - (b) Pesuruhjaya itu ditentukan secara muktamad oleh pengamal perubatan yang bertauliah sebagai tidak sempurna akal, dalam pengertian seksyen 51 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615];
 - (c) Pesuruhjaya itu telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian rupa sehingga integritinya tidak lagi menambat keyakinan orang awam
 - (d) Pesuruhjaya-pesuruhjaya yang lain telah mengundi untuk mengisytiharkan bahawa Pesuruhjaya itu telah bertindak bertentangan dengan Akta ini atau telah gagal melaksanakan fungsinya sebagai seorang Pesuruhjaya;

- (e) Pesuruhjaya itu tidak hadir dalam tiga mesyuarat Suruhanjaya berturut-turut tanpa alasan yang munasabah;
 - (f) Pesuruhjaya itu terlibat dalam mana-mana jawatan atau pekerjaan bergaji di luar fungsinya di bawah Akta ini; atau
 - (g) Pesuruhjaya itu melanggar larangan pelantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 8(5).
- (2) Parlimen hendaklah bertanggungjawab menentukan sama ada sesuatu alasan untuk penyingkiran telah wujud, dan hendaklah menetapkan mekanisme yang jelas, jika perlu, untuk menyiasat kes yang berkaitan dengan alasan demikian di bawah subseksyen (1), memberi peluang kepada Pesuruhjaya untuk membuat tampilan kepada Parlimen, dan membuang Pesuruhjaya berkenaan jika wajar bahawa mana-mana alasan sedemikian wujud.

12. Imbuhan.

- (1) Seorang Pesuruhjaya hendaklah dibayar imbuhan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Parlimen.

13. Fungsi Suruhanjaya.

- (1) Dalam usaha melaksanakan objektif utama Akta ini, fungsi Suruhanjaya, selain daripada fungsi lain yang diperuntukkan di bawah Akta ini, adalah—
- (a) menimbang dan memutuskan rayuan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya mengikut Bahagian VIII;
 - (b) menasihati Kerajaan berhubung penggubalan undang-undang baharu atau pindaan terhadap undang-undang sedia ada yang berkaitan hak mendapatkan maklumat;
 - (c) memberi nasihat dan sokongan kepada badan awam untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta ini;
 - (d) untuk merancang dan memudahkan cara program latihan serta pembinaan kapasiti pegawai badan awam mengenai hak mendapatkan maklumat dan pelaksanaan Akta ini, termasuk latihan khusus bersama Jabatan Arkib Negara bagi memperkukuh khidmat sivil dalam pengurusan rekod;
 - (e) untuk memastikan serta memantau tahap pematuhan badan awam terhadap kewajipan yang dikenakan di bawah Akta ini;
 - (f) mencadangkan langkah-langkah pentadbiran atau reformasi, sama ada bersifat umum atau khusus kepada mana-mana badan awam, termasuk cadangan untuk memperluas skop penerbitan proaktif dan menetapkan piawaian pengurusan rekod yang boleh diterima pakai atau dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang wajar; menjalankan atau mengarahkan penyelidikan yang perlu atau wajar demi pelaksanaan yang berkesan, atau sepenuhnya mencapai tujuan utama Akta ini.
 - (g) meningkatkan kesedaran dan pendidikan berhubung hak mendapatkan maklumat dalam kalangan badan awam dan orang ramai, dengan memberi keutamaan kepada kumpulan terpinggir atau minoriti melalui rundingan bersama pertubuhan masyarakat sivil dan pihak berkepentingan; dan

- (h) menetapkan serta mentadbir tatacara mengisytiharkan mana-mana permintaan maklumat sebagai permintaan yang menyusahkan di bawah Akta ini.

14. Kuasa-kuasa Suruhanjaya

- (1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala perkara yang wajar atau munasabah demi keperluan untuk, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya—
 - (a) hendaklah menentukan apa-apa rayuan terhadap keputusan awal yang dikemukakan kepada Suruhanjaya mengikut Bahagian VIII;
 - (b) boleh memanggil mana-mana orang untuk memberikan apa-apa penjelasan atau maklumat, termasuk terikat dengan sumpah, atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya, yang mungkin dikehendaki oleh Suruhanjaya;
 - (c) hendaklah mempunyai akses kepada semua maklumat yang dipegang oleh mana-mana badan awam, walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain;
 - (d) boleh melawat dan memeriksa mana-mana premis badan awam dalam menjalankan fungsinya tanpa sebarang keperluan untuk memberikan notis awal.
 - (e) boleh menerima, walau apa pun peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], apa-apa bukti keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mungkin tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah;
 - (f) boleh mengarahkan pendedahan mana-mana maklumat oleh sesuatu badan awam tertakluk kepada terma dan syarat yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;
 - (g) boleh merujuk mana-mana kes yang mendedahkan bukti tentang aktiviti yang tidak wajar dalam proses penyiasatan kepada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (h) boleh menasihati Kerajaan dan mana-mana badan awam mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan pelaksanaan yang berkesan untuk Akta ini, termasuk perundangan dan langkah serta dasar pentadbiran;
 - (i) boleh merujuk atau berunding dengan mana-mana orang atau badan luar demi pelaksanaan fungsi yang berkesan, termasuk menghubungi orang atau badan sedemikian sebagai perunding atau untuk menjalankan apa-apa perkhidmatan sebagaimana yang difikirkan sesuai dan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut; dan
 - (j) boleh menetapkan fi yang harus dibayar di bawah Akta ini, dengan mengambil kira keperluan kebolehcapaian.
- (3) Merujuk kepada perenggan (2)(f), “aktiviti yang tidak wajar” bermaksud apa-apa aktiviti yang, jika dibuktikan, akan menjadi suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang, suatu kesalahan jenayah atau suatu kesalahan tatatertib.

BAHAGIAN III
PEGAWAI-PEGAWAI
SURUHANJAYA DAN
PEGAWAI MAKLUMAT

15. Pelantikan Setiausaha dan pegawai-pegawai Suruhanjaya

- (1) Suruhanjaya hendaklah melantik seorang Setiausaha kepada Suruhanjaya.
- (2) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa pegawai, kakitangan dan pekerja lain sebagaimana yang perlu demi membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.
- (3) Suruhanjaya boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai yang disebut dalam subseksyen (2) mana-mana kuasanya, dan pegawai yang diberi kuasa sedemikian boleh melaksanakan kuasa itu tertakluk kepada arahan Suruhanjaya, dengan syarat pegawai itu tidak pula mewakilkan kuasa tersebut kepada individu selanjutnya.

16. Appointment of Information Officers. Pelantikan Pegawai Maklumat

- (1) Each public body shall appoint such number of Information Officers as may be needed to enable it to discharge its obligations under this Act. Setiap badan awam hendaklah melantik apa-apa bilangan Pegawai Maklumat sebagaimana yang perlu untuk membolehkan badan itu melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.
- (2) Subject to subsection (3), every Information Officer shall be subject to the direction, command, control, and supervision of the public body in which they are placed, and shall exercise their powers, perform their functions, and discharge their duties in compliance with such direction or supervision. Tertakluk pada subseksyen (3), setiap Pegawai Maklumat adalah tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan penyeliaan badan awam di tempat dia ditugaskan, dan hendaklah melaksanakan kuasanya, menjalankan fungsinya, serta menunaikan kewajipannya selaras dengan arahan atau penyeliaan sedemikian.
- (3) Dalam melaksanakan tugas rasminya, setiap Pegawai Maklumat hendaklah menegakkan dan memudah cara matlamat utama Akta ini serta mematuhi apa-apa garis panduan, piawaian dan nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 63.

17. Fungsi-fungsi Pegawai Maklumat.

Fungsi-fungsi Pegawai Maklumat adalah seperti yang berikut—

- (a) menerima permohonan maklumat bagi pihak badan awam berdasarkan penempatan tugas dan membantu mana-mana individu yang memohon untuk mendapatkan maklumat;
- (b) sekiranya sesuatu badan awam menerima permohonan untuk mendapatkan maklumat yang tidak dipegang olehnya tetapi dimiliki oleh badan awam lain, hendaklah dengan segera dia memindahkan permohonan itu kepada badan awam yang berkenaan dan memaklumkan pemohon tentang pemindahan itu;
- (c) untuk memproses permohonan untuk mendapatkan maklumat yang dikemukakan

- kepada sesuatu badan awam, dan memberi maklum balas kepada pemohon dalam tempoh yang ditetapkan;
- (d) untuk mengurus dan menyelia pematuhan badan awam terhadap kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Akta ini serta apa-apa garis panduan, piawaian dan nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 64;
 - (e) untuk menyedia dan mengemukakan laporan tahunan kepada Suruhanjaya mengenai pelaksanaan Akta ini oleh badan awam tersebut; dan
 - (f) untuk menyemak amalan pengurusan maklumat, penerbitan dan penyimpanan rekod badan awam, dan jika perlu, mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan.

BAHAGIAN IV KEWAJIPAN BADAN AWAM

18. Skim penerbitan maklumat.

- (1) Setiap badan awam hendaklah menerima pakai, menyelenggara, menyemak dan mengemas kini secara berkala bagi skim penerbitan maklumat, selaras dengan peruntukan ini.
- (2) Skim penerbitan maklumat hendaklah memperincikan maklumat yang berikut:
 - (a) maklumat yang dicadangkan oleh badan awam untuk diterbitkan demi tujuan peruntukan ini, sebagai tambahan kepada perkara yang tertakluk dalam seksyen 19;
 - (b) kaedah penerbitan maklumat yang dicadang untuk diterbitkan;
 - (c) tertakluk kepada seksyen 55, apa-apa fi yang harus dibayar demi mendapatkan akses kepada maklumat yang dicadangkan untuk diterbitkan, dan jika begitu, skala fi yang wajar; dan
 - (d) perincian mengenai bagaimana badan awam mencadang hal selainnya, agar tertakluk pada peruntukan ini.
- (3) Skim penerbitan maklumat hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya, yang hendaklah bertanggungjawab untuk—
 - (a) menyemak serta meluluskan atau menolak skim penerbitan maklumat itu, dan dalam hal penolakan, hendaklah memberikan alasan supaya badan awam dapat menyesuaikan skim penerbitan yang dicadangkan dengan tujuan mendapat kelulusan;
 - (b) memantau dan memastikan bahawa maklumat yang diterbitkan di bawah skim penerbitan itu, setakat yang boleh dilaksanakan, disediakan dalam suatu cara yang boleh difahami dan mudah diakses, termasuk dalam format digital dan boleh dibaca oleh peranti, kepada orang awam, termasuk orang kurang upaya; dan
 - (c) melalui rundingan dengan badan awam berkenaan, menyemak secara berkala akan pelaksanaan skim penerbitan maklumat itu, pada waktu yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

- (4) Suruhanjaya boleh, apabila meluluskan suatu skim penerbitan maklumat, menetapkan had masa keseluruhan untuk kelulusan itu atau membatalkan kelulusan yang telah diberikan, dan dalam kedua-dua keadaan tersebut menghendaki badan awam untuk menyampaikan suatu skim penerbitan maklumat yang lain.

19. Maklumat yang hendaklah diterbitkan.

- (1) Setiap badan awam hendaklah, jika berkenaan, menerbitkan perkara-perkara yang berikut:
- (a) butir-butir mengenai struktur organisasi, termasuk entiti bawahan seliannya;
 - (b) butir-butir mengenai fungsi badan awam, termasuk kuasa membuat keputusan dan kuasa-kuasa lain yang memberi kesan kepada orang awam;
 - (c) butiran perhubungan dan waktu rasmi urusan badan awam;
 - (d) maklumat berhubung kedudukan kewangan badan awam, termasuk belanjawan, penyata kewangan dan laporan audit;
 - (e) butir-butir mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh badan awam, termasuk borang dan prosedur operasi standard;
 - (f) butir-butir berkenaan prosedur bagi penglibatan awam, serta laporan hasil berhubung dengannya;
 - (g) butir-butir berkenaan sistem pengurusan aduan awam;
 - (h) dokumen perundangan yang wajar, termasuk kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan;
 - (i) iklan tender, dokumen penilaian tender, kontrak perolehan, laporan pelaksanaan kontrak, laporan audit yang wajar dan dokumen lain yang berhubung dengan perolehan;
 - (j) butir-butir dan dokumen berkenaan dasar dan rancangan strategik badan awam, termasuk skim penerbitan maklumat;
 - (k) butir-butir berkenaan permohonan yang dibuat di bawah Akta ini dan maklumat yang dikeluarkan sebagai respons kepada permohonan sedemikian itu;
 - (l) suatu senarai dokumen yang dipegang oleh badan awam;
 - (m) butiran perhubungan mana-mana pegawai maklumat yang boleh dihubungi berkenaan akses kepada maklumat agensi di bawah Akta ini;
 - (n) laporan tahunan, termasuk apa-apa laporan tahunan yang disediakan menurut undang-undang Persekutuan; dan
 - (o) maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.
- (2) Badan awam diberi tempoh tiga tahun selepas mula berkuat kuasanya Akta ini untuk memenuhi kewajipan mereka di bawah subseksyen
- (3) Subseksyen (1) tidak terpakai buat mana-mana maklumat yang dikecualikan.

20. Penyelenggaraan rekod.

- (1) Setiap badan awam hendaklah menyelenggara maklumat dengan kaedah yang memudahkan pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini, selaras dengan objektif utama Akta ini dan tertakluk kepada garis panduan, piawaian dan nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 64.
- (2) Suruhanjaya hendaklah, selepas berunding sewajarnya dengan pihak-pihak yang berkepentingan dan Ketua Pengarah yang dilantik menurut seksyen 5 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 639], mengeluarkan, menilai dan mengemas kini satu set piawaian untuk penyimpanan, pengurusan dan pelupusan rekod, serta pemindahan rekod kepada Arkib Negara.

21. Pewujudan dan penyelenggaraan daftar permohonan dan pendedahan.

- (1) Setiap badan awam hendaklah mewujudkan, menyelenggara dan mengemas kini suatu daftar permohonan dan pendedahan yang boleh diakses oleh orang awam, yang mana perkara-perkara berikut hendaklah diterbitkan—
 - (a) semua permohonan maklumat yang telah lengkap dengan sewajarnya; dan
 - (b) semua maklumat yang didedahkan menurut suatu permohonan maklumat yang telah lengkap.
- (2) Apa-apa maklumat yang dikecualikan atau perkara yang terkandung dalam maklumat yang diterbitkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dipadam atau disunting sebelum diterbitkan.

22. Keperluan bagi kontrak Kerajaan.

- (1) Seksyen ini terpakai bagi semua kontrak Kerajaan yang dimeterai oleh badan awam, tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang lain yang mengawal selia hubungan kontrak, dan hendaklah berkuat kuasa walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana perjanjian.
- (2) Setiap badan awam yang membuat, atau telah membuat, suatu kontrak dengan entiti kontrak hendaklah memastikan, melalui peruntukan kontrak yang sesuai, bahawa badan awam tersebut mempunyai hak untuk mengakses apa-apa maklumat yang dipegang oleh entiti kontrak berhubung pelaksanaan kontrak itu, bagi maksud menjawab permintaan yang dibuat di bawah Akta ini.
- (3) Kewajipan di bawah subseksyen (2) hendaklah terpakai tanpa mengira sama ada maklumat yang berkenaan akhirnya boleh dikecualikan daripada pendedahan di bawah Akta ini. Dalam hal sedemikian, badan awam hendaklah mendapatkan akses kepada maklumat tersebut bagi menilai kewajarannya dan menentukan kebolegunaan mana-mana peruntukan pengecualian.

23. Kewajipan lain badan awam.

- (1) Badan awam hendaklah memastikan bahawa kakitangannya, termasuk Pegawai Maklumat, menerima latihan yang sesuai mengenai hak mendapatkan maklumat dan pelaksanaan yang berkesan untuk Akta ini.
- (2) Setiap badan awam hendaklah, selaras dengan subseksyen 17(e), menyusun suatu laporan tahunan yang menyeluruh untuk memberi gambaran keseluruhan mengenai

aktiviti yang telah diambil demi melaksanakan Akta ini, termasuk maklumat statistik yang terperinci mengenai bagaimana permohonan maklumat telah diproses, termasuk butir-butir berhubung:

- (a) the number of requests for information received by the public body; bilangan permohonan maklumat yang diterima oleh badan awam;
 - (b) kadar permohonan maklumat yang diluluskan secara sepenuhnya, sebahagian, ditolak, atau tidak diproses;
 - (c) bagi permintaan maklumat yang ditolak, pengecualian yang dijadikan asas bagi penolakan tersebut;
 - (d) bilangan lanjutan masa yang dituntut;
 - (e) format yang digunakan untuk pendedahan maklumat;
 - (f) usaha yang dilakukan dalam penerbitan proaktif;
 - (g) jumlah fi yang dikutip daripada pemohon;
 - (h) apa-apa cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Akta ini; dan
 - (i) apa-apa cadangan untuk pembaharuan Akta ini atau amalan di bawahnya.
- (3) Laporan tahunan yang dirujuk dalam subseksyen (2) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan juga diterbitkan melalui apa-apa medium, termasuklah laman sesawang badan awam tersebut.

24. Penerbitan maklumat yang dikecualikan.

- (1) Setiap badan awam hendaklah berusaha, setakat yang dapat dilaksanakan, untuk menerbitkan apa-apa maklumat yang dikecualikan di bawah Bahagian V—
- (a) apabila risiko kemudatan yang nyata sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 26 hingga 33 tidak lagi wujud; atau
 - (b) selepas tamat tempoh sepuluh tahun dari tarikh maklumat itu diwujudkan, melainkan jika badan awam dapat meyakinkan Suruhanjaya bahawa risiko kemudatan yang nyata sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 26 hingga 33 masih wujud.

BAHAGIAN V MAKLUMAT YANG DIKECUALIKAN

25. Skop dan kesan maklumat yang dikecualikan.

- (1) Sesuatu maklumat hanya boleh dikecualikan demi Akta ini jika—
- (a) maklumat itu termasuk dalam senarai kategori yang muktamad sebagaimana diperuntukkan dalam Bahagian ini;
 - (b) terdapat risiko yang nyata bahawa pendedahan maklumat itu akan, atau berkemungkinan besar akan, mendatangkan kemudatan serius kepada mana-mana kepentingan yang dilindungi di bawah seksyen 26 hingga 33; dan
 - (c) pada pertimbangan setara, kepentingan awam yang didedahkan tidak seberat kemudatan akibat pendedahan itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian VI.
- (2) Seksyen 26 hingga 29 tidaklah terpakai buat maklumat yang melebihi tempoh sepuluh tahun, dengan syarat bahawa Menteri yang bertanggungjawab terhadap maklumat itu boleh, sebelum tamat tempoh sepuluh tahun tersebut, melanjutkan tempoh pengecualian sesuatu dokumen dengan mengeluarkan suatu sijil yang

menyatakan bahawa dokumen itu hendaklah terus dikecualikan bagi suatu tempoh tambahan yang tidak melebihi 15 tahun.

26. Maklumat yang menjejaskan keselamatan atau pertahanan negara.

- (1) Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahan maklumat itu di bawah Akta ini akan, atau berkemungkinan besar akan, menjejaskan keselamatan atau pertahanan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dengan kemudaratan yang ketara.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), kategori maklumat yang berikut hendaklah ditafsirkan sebagai berpotensi sebagai sensitif, tertakluk kepada keadaan yang wujud:
 - (a) taktik, strategi, latihan atau operasi ketenteraan yang dijalankan untuk tujuan persediaan peperangan atau yang berkaitan dengan pengesanan, pencegahan, pembanterasan atau pengawalan kegiatan subversif atau ganas;
 - (b) risikan atau teknologi berkaitan dengan pertahanan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau dengan pengesanan, pencegahan, pembanterasan atau pengawalan kegiatan subversif atau ganas;
 - (c) kaedah serta peralatan saintifik atau teknikal untuk pengumpulan, penilaian atau pengurusan maklumat yang disebut dalam subseksyen (a) dan (b);
 - (d) kuantiti, ciri-ciri, keupayaan, kelemahan atau penempatan apa-apa yang direka, dibangunkan atau dihasilkan untuk digunakan sebagai persenjataan.

27. Maklumat berkaitan hubungan antarabangsa dan kepentingan ekonomi Persekutuan.

Maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahan maklumat itu di bawah Akta ini akan, atau berkemungkinan besar akan, menjejaskan hubungan antarabangsa Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau menjejaskan keupayaan Kerajaan untuk menguruskan ekonomi negara, termasuk melalui penetapan kadar faedah atau kadar pertukaran mata wang.

28. Information relating to operations of public bodies.

- (1) Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika maklumat itu berkaitan dengan operasi badan awam dan pendedahannya akan, atau berkemungkinan besar akan, mendatangkan prejudis yang serius terhadap—
 - (a) pembuatan atau pembangunan dasar atau projek oleh badan awam secara berkesan;
 - (b) proses pertimbangan dalam badan awam, dengan menghalang pemberian nasihat secara bebas dan jujur atau pertukaran pandangan secara terbuka; atau
 - (c) keberkesanan tatacara atau kaedah pelaksanaan ujian, peperiksaan, penilaian atau audit oleh badan awam.
- (2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai untuk maklumat yang bersifat fakta atau statistik.

29. Maklumat yang menjejaskan penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan awam.

Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahannya di bawah Akta ini akan, atau berkemungkinan besar akan—

- (a) menjejaskan atau menghalang secara serius akan pengesanan, pencegahan atau penyiasatan sesuatu pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran mana-mana undang-undang, atau ketidakpatuhan atau kemungkinan ketidakpatuhan terhadap mana-mana undang-undang, atau penguatkuasaan atau pentadbiran yang wajar bagi mana-mana undang-undang;
- (b) menjejaskan atau menghalang secara serius akan penilaian atau kutipan mana-mana cukai, duti atau penalti;
- (c) mendedahkan, atau membolehkan pengenalpastian identiti mana-mana sumber maklumat yang sulit; atau
- (d) membahayakan nyawa atau keselamatan fizikal mana-mana orang atau mana-mana golongan orang.

30. Rahsia dagangan serta kepentingan komersial, kewangan dan harta.

Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahannya di bawah Akta ini akan, atau berkemungkinan besar akan—

- (a) mendedahkan rahsia dagangan sesuatu badan awam atau mana-mana pihak lain; atau
- (b) menjejaskan secara serius mana-mana kepentingan komersial, kewangan atau harta yang sah bagi sesuatu badan awam atau mana-mana pihak lain.

31. Maklumat berkaitan penyelidikan.

Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahannya di bawah Akta ini akan, atau boleh dengan munasabah dijangka akan, menjejaskan secara serius integriti, kerahsiaan atau kedudukan persaingan sesuatu penyelidikan yang sedang dijalankan atau yang dirancang untuk dijalankan oleh badan awam atau dengan kerjasama badan awam, dan jika kemudaran itu adalah lebih besar daripada kepentingan awam bagi pendedahan maklumat tersebut.

32. Privasi peribadi.

- (1) Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika pendedahannya di bawah Akta ini akan, atau berkemungkinan besar akan, mengakibatkan pencerobohan yang tidak munasabah terhadap privasi peribadi mana-mana individu.
- (2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika—
 - (a) individu yang berkait dengan maklumat peribadi itu meminta atau memberi persetujuan untuk mendedahkannya;
 - (b) sepuluh tahun telah berlalu sejak pendaftaran kematian atau kematian yang dianggap terjadi kepada individu yang berkait dengan maklumat peribadi itu;
 - (c) maklumat peribadi itu telah tersedia daripada sumber yang boleh diakses oleh orang awam; atau
 - (d) maklumat peribadi itu berkait dengan kebajikan seorang kanak-kanak atau seseorang yang kurang upaya secara mental, dan pemohon ialah ibu bapa,

penjaga atau mana-mana pihak lain yang bertanggungjawab terhadap penjagaannya.

- (3) Bagi maksud seksyen ini, “kanak-kanak” ertinya seseorang di bawah umur lapan belas tahun.

33. Maklumat berhubung dengan keistimewaan profesional guaman.

Sesuatu maklumat hendaklah dikecualikan jika ia dilindungi daripada pendedahan di bawah seksyen 126 dan 129 Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

BAHAGIAN VI KEPENTINGAN AWAM

34. Keutamaan kepentingan awam.

- (1) Di mana, kemudahan yang nyata terhadap satu atau lebih kepentingan yang dilindungi di bawah seksyen 26-33 akibat pendedahan akan sesuatu maklumat, maklumat itu hendaklah didedahkan juga jika terdapat kepentingan awam dalam pendedahannya, kecuali jika kemudahan daripada pendedahan itu dengan jelas mengatasi kepentingan tersebut.
- (2) Selain daripada peruntukan dalam Bahagian ini, apa-apa bahan yang berkaitan dalam garis panduan, piawaian dan nota amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 63 bagi tujuan Bahagian ini hendaklah juga diambil kira dalam menentukan sama ada pendedahan sesuatu maklumat, pada pertimbangan setara, adalah selaras dengan kepentingan awam.

35. Sebab-sebab yang memihak kepada pendedahan.

Dalam menentukan sama ada pendedahan sesuatu maklumat, pada pertimbangan setara, adalah selaras dengan kepentingan awam, pendedahan hendaklah diberi keutamaan jika ia—

- (a) menggalakkan tujuan utama Akta ini;
- (b) menyumbang pada perbincangan mengenai sesuatu perkara yang berkepentingan awam;
- (c) menggalakkan pengawasan berkesan terhadap perbelanjaan awam atau tindakan lain oleh Kerajaan;
- (d) membantu penglibatan orang awam dalam proses pembuatan keputusan oleh Kerajaan;
- (e) menyokong perlindungan dan amalan kelestarian alam sekitar; atau
- (f) mendedahkan apa-apa kesalahan jenayah, pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang domestik atau antarabangsa, salah laku, rasuah atau apa-apa kelakuan tidak beretika dalam badan awam.

36. Faktor yang tidak relevan.

Dalam menentukan sama ada pendedahan sesuatu maklumat, pada pertimbangan setara, adalah selaras dengan kepentingan awam, pembuat keputusan tidak boleh mengambil kira—

- (a) bahawa pendedahan itu mungkin menimbulkan rasa malu atau menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap mana-mana badan awam;

- (b) bahawa maklumat yang didedahkan itu mungkin disalah tafsir, disalah faham, menimbulkan kekeliruan atau ketidakpuasan hati; atau
- (c) bahawa pengarang maklumat itu ialah, atau bekas, seorang pegawai tinggi.

BAHAGIAN VII PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT

37. Permohonan untuk mendapatkan maklumat.

- (1) Mana-mana pemohon berhak membuat permohonan untuk mendapatkan maklumat daripada sesuatu badan awam mengikut tatacara yang ditetapkan di bawah seksyen ini.
- (2) Setelah menerima sesuatu permohonan, badan awam hendaklah mengeluarkan akuan penerimaan seberapa segera yang boleh dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada tiga hari bekerja.
- (3) Seorang pemohon yang telah membuat permohonan maklumat, tertakluk pada seksyen 41, berhak dimaklumkan secara bertulis seberapa segera yang boleh dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada sepuluh hari bekerja mengenai keputusan berhubung permohonan itu, seperti yang berikut:
 - (a) jika permohonan ditolak, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atas alasan bahawa maklumat itu dikecualikan menurut seksyen 39(1)(a), notis demikian hendaklah menyatakan peruntukan Akta ini yang terpakai, sebab-sebab maklumat itu termasuk dalam pengecualian tersebut, dan hak pemohon untuk memohon semakan dalaman demi mencabar keputusan tersebut;
 - (b) jika permohonan ditolak kerana badan awam tidak menyimpan maklumat berkenaan dan tidak mengetahui mana-mana badan lain yang menyimpannya, menurut seksyen 39(1)(b), notis hendaklah menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencari maklumat itu;
 - (c) jika permohonan ditolak kerana maklumat yang diberikan oleh pemohon tidak mencukupi untuk mengenal pasti maklumat yang diminta, menurut seksyen 39(1)(c), fakta itu hendaklah dinyatakan;
 - (d) jika permohonan ditolak menurut seksyen 39(1)(d) kerana maklumat itu telah diberikan kepada pemohon, notis hendaklah menyatakan tarikh ia diberikan; dan jika kerana maklumat itu telah tersedia untuk orang awam, notis hendaklah menyatakan tempat maklumat itu boleh diperoleh, termasuk alamat elektronik (seperti URL) jika ada;
 - (e) jika permohonan ditolak kerana maklumat itu akan diterbitkan dalam tempoh 60 hari, menurut seksyen 39(1)(e), fakta dan tempat maklumat itu boleh diperoleh selepas tempoh tersebut hendaklah dinyatakan;
 - (f) jika permohonan ditolak kerana ia bersifat remeh atau menyusahkan, menurut seksyen 39(1)(f), fakta itu hendaklah dinyatakan; dan
 - (g) jika permohonan diluluskan, sama ada keseluruhan atau sebahagian, notis hendaklah menyatakan format maklumat yang akan didedahkan, sebarang fi yang dikenakan, serta cara pembayaran fi tersebut.

- (4) Jika perlu dirujuk kepada pihak ketiga berhubung dengan maklumat menurut seksyen 41, tempoh masa yang diperuntukkan dalam subseksyen (3) hendaklah dilanjutkan sehingga dua puluh hari bekerja.
- (5) Permohonan untuk mendapatkan maklumat boleh dikemukakan kepada Pegawai Maklumat sama ada secara bersemuka, melalui pos, atau secara elektronik dengan mengisi Borang yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi tujuan tersebut, atau dengan memberikan maklumat yang dinyatakan dalam subseksyen (6) tanpa perlu mengisi borang tersebut.
- (6) Tiada maklumat lain dikehendaki daripada pemohon kecuali—
 - (a) keterangan mengenai maklumat yang diminta, menurut pengetahuan pemohon:
Dengan syarat bahawa Pegawai Maklumat hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk membantu pemohon mengenal pasti skop dan butiran maklumat tersebut; dan
 - (b) alamat untuk menghubungi pemohon, termasuklah menyampaikan akan maklumat yang dimohonnya itu.
- (7) Pemohon juga boleh, jika dikehendaki, menyatakan dalam permohonan—
 - (a) format maklumat yang diinginkan untuk diterima bagi permohonan maklumat; dan
 - (b) apa-apa permintaan atau keperluan tambahan demi kebolehcapaian maklumat.
- (8) Jika pemohon membuat permohonan secara lisan kerana ketidakupayaan atau buta huruf, Pegawai Maklumat hendaklah membantu melengkapkan Borang yang ditetapkan, membacakannya kepada pemohon untuk membolehkan apa-apa pembetulan yang diinginkan itu dilakukan, menandatangani dan mendatangkan tarikh pada permohonan tersebut, serta memberi satu salinan kepada pemohon.
- (9) Dalam membuat permohonan maklumat di bawah Akta ini, pemohon tidaklah dikehendaki untuk mengisytiharkan—
 - (a) apa-apa alasan atau justifikasi untuk permohonan tersebut; atau
 - (b) apa-apa penjelasan tentang maksud atau tujuan penggunaan maklumat yang diminta.

38. Kewajipan dalam memproses permohonan maklumat.

- (1) Neither an Information Officer nor a public body shall impose any condition or restriction upon an applicant making a request for information or the disclosure of any information under this Act, except as provided for under this Act.) Pegawai Maklumat atau badan awam tidak boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan terhadap pemohon dalam membuat permohonan atau terhadap pendedahan maklumat di bawah Akta ini, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini.
- (2) Where a request indicates a preference as to the format in which the applicant wishes to receive the information, the Information Officer shall, subject to subsections (3) and (4), provide the information in accordance with that preference. Jika pemohon menyatakan pilihan terhadap format maklumat yang diminta, Pegawai Maklumat hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4),

menyampaikan maklumat itu mengikut pilihan tersebut.

- (3) A request may indicate the following preferences as to the format for receiving information: Pilihan format yang boleh dinyatakan untuk diminta termasuklah—
 - (a) rekod dalam bentuk kekal atau lain-lain bentuk;
 - (b) peluang memeriksa rekod itu dengan menggunakan peralatan yang lazimnya disediakan oleh badan awam berkenaan;
 - (c) peluang menyalin rekod itu dengan menggunakan peralatan milik pemohon;
 - (d) transkrip bertulis untuk perkataan yang terkandung dalam sesuatu rekod yang disimpan dalam bentuk bunyi atau visual;
 - (e) transkrip kandungan rekod dalam bentuk cetakan, bunyi atau visual, jika ia boleh dihasilkan dengan peralatan yang lazimnya tersedia dalam badan awam tersebut; atau
 - (f) transkrip rekod daripada catatan ringkas atau bentuk berkod lain.
- (4) Pegawai Maklumat tidak dikehendaki menyampaikan maklumat dalam format yang diminta jika—
 - (a) hal itu mengganggu secara tidak munasabah, akan keberkesanan operasi badan awam berkenaan; atau
 - (b) itu memudaratkan pemeliharaan rekod tersebut.
- (5) Jika sesuatu rekod wujud dalam lebih daripada satu bahasa, rekod itu hendaklah disampaikan mengikut pilihan bahasa pemohon daripada bahasa-bahasa tersebut.

39. Penolakan permohonan maklumat.

- (1) Sesebuah badan awam boleh menolak untuk mendedahkan maklumat yang diminta jika—
 - (a) badan awam berpendapat bahawa maklumat itu dikecualikan di bawah seksyen 25;
 - (b) maklumat itu tidak wujud atau, setelah mengambil segala langkah yang munasabah, ia tidak dapat dikenal pasti atau dikesan;
 - (c) butiran yang diberikan oleh pemohon terlalu kabur sehingga menjadikan permohonan itu tidak dapat dilaksanakan, tetapi hanya selepas Pegawai Maklumat yang berkenaan telah membantu pemohon memperjelas permohonan itu;
 - (d) maklumat yang diminta telahpun didedahkan kepada pemohon atau telah tersedia untuk umum;
 - (e) penerbitan maklumat itu dikehendaki oleh undang-undang dan akan diselesaikan tidak lewat daripada 40 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan; atau
 - (f) permohonan itu telah diisytiharkan sebagai menyusahkan menurut seksyen 61.
- (2) Sesebuah badan awam boleh menolak untuk mengesahkan atau menafikan—
 - (a) kewujudan atau ketiadaan maklumat yang diminta; atau
 - (b) sama ada maklumat itu berada dalam milikan, jagaan atau kawalannya, jika pengesahan atau penafian itu, dengan sendirinya, akan mendedahkan maklumat yang dikecualikan di bawah seksyen 25.

40. Pemotongan maklumat

- (1) Jika hanya sebahagian daripada maklumat dalam sesuatu dokumen dikecualikan, badan awam hendaklah, setakat yang munasabah boleh dilakukan, memadam atau memotong maklumat yang dikecualikan itu dan mendedahkan baki dokumen tersebut kepada pemohon.
- (2) Jika sesuatu badan awam memadam atau memotong mana-mana maklumat atau perkara yang dikecualikan daripada mana-mana maklumat yang didedahkan menurut sesuatu permohonan untuk maklumat, notis yang diberikan menurut subseksyen 37(2) hendaklah, sebagai tambahan kepada butir-butir yang dikehendaki di bawah subseksyen itu, menyatakan dengan jelas tempat pemadaman atau suntingan itu telah dibuat.

41. Perundingan dengan pihak ketiga.

- (1) Jika sesuatu permohonan melibatkan maklumat yang diberikan secara sulit oleh pihak ketiga atau menyentuh privasi pihak ketiga, badan awam hendaklah mematuhi tatacara dalam seksyen ini.
- (2) Bagi maksud Bahagian ini, “pihak ketiga” ertinya—
 - (a) berkait dengan maklumat di bawah subseksyen 32(1), mana-mana orang atau entiti selain badan awam; dan
 - (b) berkait dengan maklumat peribadi, mana-mana orang selain individu yang maklumat itu berkaitan dengannya.
- (3) Badan awam hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memaklumkan pihak ketiga secara bertulis mengenai permohonan maklumat tersebut dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan itu.
- (4) Pihak ketiga berhak mengemukakan representasi dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh menerima notis sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, sama ada menyatakan persetujuan mereka terhadap pendedahan maklumat tersebut atau menyatakan bantahan mereka terhadap pendedahan itu.
- (5) Jika bantahan dibuat oleh pihak ketiga untuk mendedahkan maklumat tersebut, badan awam hendaklah mengambil kira bantahan itu dan, berdasarkan semua maklumat yang tersedia kepadanya, membuat keputusan sama ada maklumat tersebut terkecuali atau sebaliknya.
- (6) Jika, selepas mempertimbangkan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh pihak ketiga, sesuatu badan awam memutuskan untuk membenarkan akses kepada maklumat yang diminta, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, badan awam tersebut hendaklah memaklumkan pihak ketiga secara bertulis, secepat yang mungkin—
 - (a) dengan menyatakan sebab-sebab keputusan untuk mendedahkan maklumat tersebut diambil; dan
 - (b) dengan memaklumkan pihak ketiga mengenai haknya untuk membuat permohonan semakan dalaman di bawah seksyen 42, atau untuk mendapatkan ganti rugi kehakiman, sekiranya terpakai.
- (7) Melainkan jika diperintahkan sebaliknya oleh pihak berkuasa yang menyemak atau mahkamah, badan awam hendaklah menangguhkan pendedahan itu bagi suatu tempoh munasabah untuk membolehkan pihak ketiga menggunakan haknya.

42. Semakan dalaman.

- (1) Mana-mana pemohon boleh mengemukakan permohonan untuk semakan dalaman terhadap sesuatu keputusan awal dengan melengkapkan Borang yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi maksud tersebut dan menyerahkannya kepada badan awam yang telah membuat keputusan awal itu, sekiranya–
 - (a) pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan awal tersebut dalam apa-apa cara sekalipun; atau
 - (b) tiada keputusan awal dibuat, atau tiada pemberitahuan berhubung keputusan awal diterima oleh pemohon dalam tempoh masa yang wajar di bawah Akta ini.
- (2) Suatu semakan dalaman terhadap keputusan awal hendaklah dijalankan oleh Ketua Jabatan yang berkaitan dalam badan awam yang telah membuat keputusan awal tersebut, atau mana-mana pegawai lain yang mempunyai kedudukan jawatan yang mencukupi demi memastikan bahawa semakan tersebut merupakan suatu pertimbangan semula yang sah terhadap perkara asal, dan pegawai itu hendaklah diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya.
- (3) Mana-mana permohonan untuk semakan dalaman oleh pemohon atau pihak ketiga hendaklah dibuat–
 - (a) dalam tempoh 30 hari selepas pemohon atau pihak ketiga menerima pemberitahuan mengenai keputusan awal tersebut; atau
 - (b) jika tiada pemberitahuan mengenai keputusan awal diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Akta ini, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tamatnya tempoh masa yang berkaitan itu.
- (4) Mana-mana pegawai yang menjalankan semakan dalaman di bawah seksyen ini boleh membuat apa-apa keputusan seperti yang boleh dibuat oleh Pegawai Maklumat, yang telah membuat keputusan awal tersebut.
- (5) Suatu semakan dalaman hendaklah diselesaikan dalam tempoh 10 hari bekerja selepas satu permohonan untuk semakan dalaman dikemukakan kepada badan awam.

43. Tempoh pelanjutan.

Sesuatu badan awam boleh, melalui suatu notis bertulis kepada pemohon dalam tempoh asal, melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan dalam subseksyen 39(2) atau (3) setakat yang benar-benar perlu dan bagi suatu tempoh tidak melebihi 20 hari bekerja, jika permohonan tersebut melibatkan rekod yang besar jumlahnya, memerlukan pencarian melalui sejumlah besar rekod atau memerlukan sesi konsultasi dengan pihak lain, dan jika pematuhan dalam tempoh asal tidak munasabah atau akan mengganggu secara tidak wajarnya terhadap aktiviti badan awam yang berkenaan.

44. Penggunaan semula maklumat.

- (1) Mana-mana orang yang memperoleh maklumat awam atau dokumen awam secara sah, sama ada menurut Akta ini atau selainnya, berhak menggunakan semula maklumat itu secara bebas, termasuk dengan mengadaptasi, menghasilkan semula dan/atau berkongsi maklumat itu, tanpa tertakluk kepada sekatan hak cipta atau hak pangkalan data, tertakluk kepada seksyen ini.

- (2) Kerajaan boleh mengguna pakai lesen penggunaan semula, selaras dengan piawaian antarabangsa dalam bidang ini, yang mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas penggunaan semula maklumat dan yang boleh dilampirkan oleh badan awam kepada maklumat atau dokumen awam yang didedahkan, sama ada secara proaktif, sebagai tindak balas kepada permohonan di bawah Akta ini atau sebaliknya.

BAHAGIAN VIII

RAYUAN KEPADA SURUHANJAYA MAKLUMAT

45. Tatacara rayuan kepada Suruhanjaya.

- (1) Pemohon atau pihak ketiga yang terkilan dengan keputusan semakan dalaman di bawah seksyen 42, atau tidak menerima jawapan daripada badan awam dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Akta ini berkait dengan permohonan maklumat atau semakan dalaman, boleh mengemukakan rayuan kepada Suruhanjaya dalam borang yang ditetapkan, mengikut tatacara di bawah seksyen ini.
- (2) Rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 40 hari bekerja dari tarikh awal rayuan itu timbul.

Dengan syarat bahawa Suruhanjaya boleh, atas permohonan oleh perayu, melanjutkan tempoh masa yang ditetapkan dalam subseksyen ini sekiranya Suruhanjaya berpendapat terdapat alasan yang munasabah untuk berbuat demikian.

46. Permulaan siasatan rayuan.

Suruhanjaya hendaklah, apabila menerima sesuatu rayuan di bawah seksyen 45, memulakan siasatan dalam tempoh tidak lewat daripada dua puluh hari bekerja, dan boleh menjalankan siasatan itu dalam apa-apa cara yang difikirkannya sesuai, perlu atau wajar bagi menentukan fakta atau undang-undang yang berkaitan untuk memutuskan rayuan tersebut, tertakluk kepada tatacara dalam Bahagian ini.

47. Suruhanjaya berhubung dengan siasatan.

- (1) Dalam menjalankan siasatan terhadap sesuatu rayuan, Suruhanjaya boleh menjalankan penyiasatan atas inisiatifnya sendiri.
- (2) Suruhanjaya hendaklah menjalankan penyiasatan tersebut menurut kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 14(2)(b), (c), (d), (e) dan (f), dan tidak boleh dihadkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

48. Keterangan di hadapan Suruhanjaya.

- (1) Seseorang yang memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya berhak mendapat semua keistimewaan sepertimana yang terpakai bagi saksi yang memberi keterangan di hadapan mahkamah.
- (2) Tiada seorang pun boleh, berhubung dengan apa-apa keterangan bertulis atau lisan yang diberikan olehnya kepada atau di hadapan Suruhanjaya,

dipertanggungjawabkan dalam apa-apa tindakan atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, di mana-mana mahkamah, kecuali bagi pendakwaan kerana memberikan keterangan palsu atau pendakwaan di bawah Akta ini.

- (3) Dalam sesebuah rayuan di hadapan Suruhanjaya, beban pembuktian terletak pada badan awam terhadap rayuan tersebut.

49. Prosiding pendengaran inter partes.

- (1) Bagi tujuan menjalankan siasatan, Suruhanjaya boleh mengadakan pendengaran inter partes sekiranya difikirkan perlu atau wajar oleh Suruhanjaya.
- (2) Mana-mana pihak yang hadir dalam pendengaran berhak dimaklumkan tentang skop dan tujuan umum pendengaran itu, kecuali jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pendedahan maklumat sedemikian akan menjejaskan siasatan dengan ketara.
- (3) Jika terdapat pihak ketiga yang mempunyai kaitan dengan rayuan, pihak ketiga itu berhak memohon untuk didengar serta menghadiri mana-mana pendengaran.
- (4) Suruhanjaya hendaklah bertindak adil dan berkecuali antara semua pihak, serta memberi peluang yang munasabah kepada setiap pihak untuk mengemukakan hujahnya dan menjawab hujah pihak lawan.
- (5) Jika siasatan dijalankan tanpa pendengaran, semua pihak dalam rayuan hendaklah diberi peluang sewajarnya untuk mengemukakan representasi secara bertulis.
- (6) Dalam semua keadaan, sama ada sesi pendengaran dijalankan mahupun tidak, perayu tidak diwajibkan diwakili oleh peguam untuk mengemukakan rayuan di hadapan Suruhanjaya.

50. Keputusan Suruhanjaya.

- (1) Suruhanjaya hendaklah membuat keputusan dengan segera, dan setakat yang boleh dijalankan, dalam tempoh 40 hari bekerja dari tarikh siasatan dimulakan.
- (2) Suruhanjaya boleh, jika difikirkan perlu untuk kepentingan keadilan, melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi suatu tempoh tambahan yang tidak melebihi 20 hari bekerja.
- (3) Suruhanjaya hendaklah memberikan alasan bertulis bagi setiap keputusan yang dibuat, dan dalam membuat keputusan, Suruhanjaya hendaklah sentiasa dirujuk oleh objektif utama Akta ini.
- (4) The Commission, in making any decision under this section, may—
 - (a) mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan awal atau keputusan semakan dalaman, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian;
 - (b) memerintahkan badan awam memenuhi permohonan maklumat mengikut syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya; atau
 - (c) memerintahkan badan awam membayar pampasan kewangan kepada mana-mana pihak yang mengalami kerugian kebendaan akibat kegagalan mengendalikan permohonan dengan sewajarnya.
- (5) Keputusan Suruhanjaya yang dibuat di bawah subseksyen (4) adalah mengikat ke atas semua pihak dalam prosiding dan hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah Mahkamah Tinggi, serta boleh dikuatkuasakan sebagaimana suatu perintah

mahkamah.

- (6) Walau apa pun subseksyen (5), mana-mana pihak dalam rayuan di hadapan Suruhanjaya yang terkilan dengan keputusan Suruhanjaya, boleh memohon kepada mahkamah untuk semakan kehakiman terhadap keputusan tersebut selaras dengan Kaedah 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- (7) Suruhanjaya boleh, sebagai tambahan, mengeluarkan perintah sampingan yang mengikat, termasuk untuk—
 - (a) mengarahkan pindaan terhadap tatacara atau dasar badan awam berhubung pemeliharaan, pengurusan atau penerbitan maklumat;
 - (b) merujuk atau mencadangkan kepada badan awam yang wajar untuk dikenakan tindakan tatatertib terhadap pegawai, pekerja, kakitangan atau ejen yang melanggar Akta ini atau yang dengan cara tidak sah menghalang akses kepada maklumat;
 - (c) mengarahkan pelantikan Pegawai Maklumat atau pegawai tambahan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (d) mengarahkan penerbitan maklumat secara proaktif;
 - (e) mengarahkan penyediaan laporan tahunan;
 - (f) mengarahkan pelaksanaan latihan dan pembangunan kapasiti bagi Pegawai Maklumat dalam badan awam; atau
 - (g) mengeluarkan apa-apa perintah lain yang perlu bagi melaksanakan objektif utama Akta ini.
- (8) Sekiranya keputusan Suruhanjaya termasuk perintah sampingan sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (7), badan awam hendaklah, dalam tempoh 60 hari bekerja selepas menerima perintah itu, mengemukakan laporan bertulis kepada Suruhanjaya yang memperincikan langkah-langkah yang telah diambil demi melaksanakan perintah tersebut.

BAHAGIAN IX KESALAHAN

51. Ancaman terhadap pemohon, perayu atau saksi.

Mana-mana orang yang dengan sengaja atau secara cuai menghalang pemberian maklumat yang bercanggah dengan Akta ini atau menghalang atau cuba menghalang mana-mana orang daripada, atau melalui ugutan atau kecederaan, mencegah atau cuba mencegah mana-mana orang daripada—

- (a) mengemukakan permohonan untuk maklumat atau permohonan bagi semakan dalaman;
- (b) mengemukakan permohonan untuk maklumat atau permohonan bagi semakan dalaman;
- (c) memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya,

telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu 1 tahun atau denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

52. Obstruction Penghalangan

A person who— Mana-mana orang yang—

- (a) dengan sengaja atau secara cuai menerbitkan maklumat palsu sebagai sebahagian daripada aktiviti penerbitan proaktif sesuatu badan awam;
- (b) dengan sengaja atau secara cuai memusnahkan, memadam, mengubah, merosakkan, menyembunyikan, memalsukan atau menghalang akses kepada apa-apa maklumat yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu badan awam dengan niat untuk menghalang pendedahan maklumat tersebut atau mana-mana bahagiannya;
- (c) dengan sengaja menghalang atau menafikan akses kepada maklumat yang tidak dikecualikan di bawah Akta ini;
- (d) dengan sengaja, berniat jahat atau secara cuai menghalang pemberian maklumat atau dengan sengaja memberikan maklumat yang tidak betul, tidak lengkap atau mengelirukan;
- (e) dengan sengaja, berniat jahat atau secara cuai memusnahkan, memadam, membatalkan, merosakkan, memalsukan, mengubah atau menyembunyikan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa maklumat yang berada dalam milikan, jagaan atau kawalan sesuatu badan awam dengan niat untuk menghalang pendedahan maklumat tersebut atau mana-mana bahagiannya;
- (f) gagal atau enggan hadir di hadapan Suruhanjaya apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Suruhanjaya;
- (g) Suruhanjaya atau enggan mengemukakan apa-apa maklumat yang berada dalam milikan atau kuasanya, atau dengan sengaja memberikan maklumat palsu di bawah sumpah atau pengakuan;
- (h) gagal atau enggan mematuhi atau melaksanakan keputusan Suruhanjaya; atau
- (i) menentang atau menghalang Suruhanjaya atau mana-mana pegawai atau kakitangan lain Suruhanjaya dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya atau pegawai atau kakitangan tersebut di bawah Akta ini,

telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN X AM

53. Dana.

- (1) Kerajaan hendaklah memperuntukkan dana yang mencukupi setiap tahun kepada Suruhanjaya untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini secara keseluruhan dan dengan berkesan.
- (2) Suruhanjaya hendaklah, dalam setiap tahun kalendar, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal kewangan, menyediakan suatu anggaran belanjawan yang mengandungi butiran terperinci mengenai hasil dan perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun berikutnya. Anggaran belanjawan itu

hendaklah disampaikan kepada Kerajaan, dan hendaklah pada pendapat Suruhanjaya, mencukupi untuk menjamin pelaksanaan penuh fungsinya.

- (3) Kerajaan hendaklah mengambil kira anggaran belanjawan yang dirujuk dalam subseksyen (2) dalam menentukan peruntukan dana kepada Suruhanjaya dan hendaklah berusaha untuk meluluskan anggaran tersebut secara keseluruhannya:

Dengan syarat, ia tertakluk pada subseksyen (1) dan objektif utama Akta ini, Kerajaan boleh meminda, menolak atau menambah mana-mana butiran dalam anggaran belanjawan tersebut sebelum meluluskannya, jika difikirkan wajar.

- (4) Sekiranya Suruhanjaya berpendapat bahawa dana tambahan diperlukan pada bila-bila masa dalam tahun kalendar untuk membolehkan pelaksanaan fungsi-fungsinya secara keseluruhan dan berkesan, Suruhanjaya hendaklah menyediakan suatu anggaran tambahan dengan butiran perbelanjaan yang dicadangkan, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal kewangan, dan menyampaikannya kepada Kerajaan.
- (5) Subseksyen (3) hendaklah mengguna pakai mutatis mutandis, ke atas anggaran tambahan yang dirujuk dalam subseksyen (4).
- (6) Suruhanjaya hanya boleh menerima pembiayaan asing sekiranya pembiayaan itu adalah untuk aktiviti yang selaras dengan fungsi Suruhanjaya, dan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas pembiayaan tersebut, selain syarat yang berhubungan dengan pelaporan kewangan (probity), juga selaras dengan fungsi Suruhanjaya.
- (7) Suruhanjaya hendaklah memastikan akaun yang diaudit sewajarnya, diselenggara pendapatan dan perbelanjaannya, serta aset dan liabilitinya.
- (8) Tahun kewangan Suruhanjaya ialah tahun kalendar.
- (9) Semua fi yang dikutip oleh Suruhanjaya menurut seksyen 54 hendaklah dimasukkan ke dalam dana Suruhanjaya.
- (10) Semua perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya dalam mana-mana tindakan atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang dibawa oleh atau terhadap Suruhanjaya di mana-mana mahkamah hendaklah dibayar daripada dana Suruhanjaya, dan segala kos yang dibayar kepada atau diperoleh oleh Suruhanjaya dalam tindakan atau prosiding tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam dana Suruhanjaya.

54. Fees. Fi.

- (1) Tiada fi boleh dikenakan oleh mana-mana badan awam atau Suruhanjaya bagi—
 - (a) pemohon yang mengemukakan permohonan untuk maklumat atau permohonan bagi semakan dalaman;
 - (b) pihak ketiga yang mengemukakan permohonan bagi semakan dalaman; dan
 - (c) perayu yang mengemukakan rayuan terhadap keputusan semakan dalaman.
- (2) Tertakluk pada pertimbangan utama objektif Akta ini, Suruhanjaya hendaklah, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal kewangan, menetapkan—
 - (a) apa-apa fi yang perlu dibayar pemohon demi menampung kos pengeluaran salinan fizikal sesuatu maklumat, yang hendaklah menjadi satu-satunya fi yang boleh dikenakan oleh badan awam terhadap pemohon; dan

- (b) peraturan mengenai pengecualian fi bagi pemohon yang daif.
- (3) Tanpa mengira subseksyen (2), tiada fi boleh dikenakan oleh badan awam untuk 15 muka surat pertama salinan fotokopi.

55. Pemakaian Akta 240.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai untuk Suruhanjaya.

56. Annual reports. Laporan tahunan.

- (1) Suruhanjaya hendaklah, tidak lewat daripada mesyuarat pertama Parlimen pada tahun berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai semua aktivitinya bagi tahun yang berkenaan, berserta dengan suatu ringkasan keseluruhan tentang aktiviti semua badan awam di bawah Akta ini. Laporan itu hendaklah terkandung di dalamnya maklumat statistik mengenai permohonan maklumat yang diterima dan kaedah ia diproses, cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan Akta ini, serta apa-apa cadangan mengenai pindaan atau pembaharuan.
- (2) Laporan tahunan juga hendaklah mengandungi ringkasan maklumat dan analisis menyeluruh berkenaan perkara yang telah dirujuk kepada Suruhanjaya, termasuk bilangan dan sifat perkara tersebut, tindakan yang telah diambil, serta apa-apa cadangan umum yang dibuat oleh Suruhanjaya. Sekiranya tidak mustahil, laporan itu juga hendaklah mengandungi ringkasan maklum balas daripada badan awam berhubung cadangan tersebut. Laporan tahunan juga hendaklah mengandungi penyata kewangan yang lengkap berkenaan operasi Suruhanjaya.
- (3) Maklumat terperinci berkenaan perkara individu, termasuklah keputusan dan cadangan Suruhanjaya, hendaklah diterbitkan dan diselenggara di laman sesawang rasmi Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, maklumat peribadi atau sensitif boleh dipinda jika perlu.
- (4) Laporan tahunan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibentang dan dibahaskan di Parlimen dalam mana-mana mesyuarat Parlimen pada tahun laporan tahunan itu dikemukakan, dan juga hendaklah diterbitkan di laman sesawang rasmi Suruhanjaya.

57. Perlindungan daripada liabiliti jenayah dan sivil.

- (1) Tiada seorang pun, termasuk Pesuruhjaya, Pegawai Maklumat, pegawai atau kakitangan Suruhanjaya, atau mana-mana pegawai awam lain, boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa liabiliti jenayah atau sivil berhubung dengan pendedahan atau kebenaran untuk mendedahkan apa-apa maklumat di bawah Akta ini, jika pendedahan itu dibuat dengan suci hati dan demi kepentingan awam.
- (2) Tiada seorang pun boleh dikenakan sebarang tindakan yang memudaratkan dalam perkhidmatannya, termasuk tindakan pembalasan, hanya kerana pendedahan atau kebenaran untuk mendedahkan apa-apa maklumat di bawah Akta ini, jika pendedahan itu dibuat dengan suci hati dan demi kepentingan awam.

58. Pemakaian Akta 198.

Peruntukan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai untuk apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau mana-mana Pesuruhjaya, pegawai, kakitangan, pekerja, ejen Suruhanjaya atau Pegawai Maklumat, berhubung dengan apa-apa tindakan atau perbuatan yang dilakukan mereka di bawah kapasiti sedemikian.

59. Perlindungan terhadap pemberi maklumat.

- (1) Tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa tindakan undang-undang, sekatan pentadbiran atau langkah punitif berkaitan pekerjaan, walau apa pun pelanggaran kewajipan undang-undang atau kontrak pekerjaan, semata-mata kerana mendedahkan maklumat mengenai salah laku, atau maklumat yang mendedahkan suatu ancaman serius terhadap kesihatan, keselamatan atau alam sekitar, dengan syarat bahawa pendedahan itu dibuat dengan suci hati dan atas kepercayaan yang munasabah bahawa maklumat tersebut adalah pada asasnya benar serta mengandungi bukti salah laku atau ancaman serius kepada kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), “salah laku” termasuklah tetapi tidak terhad kepada perlakuan suatu kesalahan jenayah, kegagalan mematuhi kewajipan undang-undang, ketidakadilan kehakiman, rasuah atau ketidakjujuran, atau kesalahan tadbir urus yang serius terkait dengan pihak berkuasa awam.
- (3) Subseksyen (1) hendaklah terpakai walau apa pun peruntukan seksyen 203A Kanun Keseksaan [Akta 574].

60. Public servant. Penjawat Awam.

Setiap Pesuruhjaya, pegawai, pekerja, kakitangan dan ejen Suruhanjaya hendaklah, apabila bertindak dalam lingkungan kuasa, fungsi dan kewajipan masing-masing, disifatkan sebagai penjawat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

61. Permintaan maklumat yang menyusahkan.

Suruhanjaya boleh, atas permohonan sesuatu badan awam, mengisytiharkan bahawa suatu permintaan maklumat adalah bersifat menyusahkan sekiranya Suruhanjaya berpuas hati bahawa permintaan tersebut merupakan suatu penyalahgunaan hak mengakses di bawah Akta ini. Dalam melakukan penentuan sebegini, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira objektif dan tujuan utama Akta ini.

62. Institusi dan pengendalian pendakwaan.

Tiada pendakwaan boleh dilakukan berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

63. Piawaian, garis panduan, dan nota amalan.

- (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan apa-apa piawaian, garis panduan, atau nota amalan yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi membantu badan awam melaksanakan objektif utama Akta ini.
- (2) Melainkan dinyatakan dengan jelas akan sebaliknya, piawaian, garis panduan, atau

nota amalan sedemikian adalah bersifat saranan semata-mata dan tidak terikat secara undang-undang.

- (3) Suruhanjaya boleh, membatalkan, mengubah, menyemak semula, atau meminda mana-mana piawaian, garis panduan, atau nota amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.
- (4) Suruhanjaya boleh menetapkan bahawa mana-mana piawaian, garis panduan, atau nota amalan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah terikat hanya jika diberi kuasa dengan nyata oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang terpakai, dan hanya terkait dengan kelompok, badan, atau keadaan tertentu. Dalam hal sedemikian ini, Suruhanjaya hendaklah menetapkan tempoh masa yang mana piawaian, garis panduan, atau nota amalan yang terkait itu hendaklah dikuatkuasakan.

64. Regulations. Peraturan-peraturan

- (1) Suruhanjaya boleh, selepas berunding dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan dan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat demi—
 - (a) mengawal selia urusan, tatacara dan proses Suruhanjaya sendiri;
 - (b) memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini;
 - (c) melaksanakan atau mencapai objektif utama Akta ini; dan
 - (d) mempertingkat pelaksanaan untuk peruntukan Akta ini.
- (2) Tanpa prejudis terhadap keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh—
 - (a) menetapkan borang, fi dan pengecualian fi dalam tujuan Akta ini;
 - (b) menetapkan templat atau format untuk skim penerbitan maklumat;
 - (c) and menetapkan mana-mana entiti untuk dianggap sebagai pihak berkuasa yang ditetapkan di bawah Akta ini; dan
 - (d) mewujudkan prosedur operasi standard untuk penerimaan, pemprosesan dan pengurusan permohonan maklumat, permohonan untuk semakan dalaman, dan rayuan kepada Suruhanjaya.

BAHAGIAN XI

PELANJUTAN PEMAKAIAN KEPADA NEGERI DAN PENUBUHAN SURUHANJAYA MAKLUMAT NEGERI

65. Pelanjutan pemakaian Akta ini kepada Kerajaan Negeri, dan lain-lain.

- (1) Badan Perundangan mana-mana Negeri hendaklah, melalui undang-undang, melanjutkan kuat kuasa Akta ini serta bidang kuasa Suruhanjaya ke atas badan awam di bawah Kerajaan Negeri tersebut.
- (2) Mana-mana pelanjutan kuat kuasa Akta ini serta bidang kuasa Suruhanjaya yang dibuat oleh Badan Perundangan sesuatu Negeri menurut subseksyen (1) boleh dibatalkan atau dipinda melalui suatu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri tersebut.

66. State Information Commissions. Suruhanjaya Maklumat Negeri

- (1) Menurut peruntukan seksyen 65, Kerajaan sesuatu Negeri hendaklah, dengan

kelulusan Badan Perundangan Negeri berkenaan, menubuhkan suatu Suruhanjaya Maklumat Negeri yang akan menjalankan bidang kuasa berhubung dengan badan-badan awam di Negeri tersebut.

- (2) Peruntukan seksyen 2 hingga 64 Akta ini hendaklah terpakai secara mutatis mutandis kepada Suruhanjaya Maklumat Negeri sebagaimana ia terpakai juga kepada Suruhanjaya, tertakluk kepada pengubahsuaian berikut:
- (a) apa-apa rujukan kepada Suruhanjaya hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan terhadap Suruhanjaya Maklumat Negeri berkenaan;
 - (b) apa-apa rujukan kepada Kerajaan hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan terhadap Kerajaan Negeri tersebut;
 - (c) apa-apa rujukan kepada Menteri hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan terhadap Menteri Besar, Ketua Menteri atau Premier Negeri tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (d) apa-apa rujukan kepada Parlimen atau Dewan Rakyat hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan terhadap Dewan Undangan Negeri berkenaan.